

**UCAPAN YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR, KETUA MENTERI SABAH, SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN KUIH-MUIH HARI RAYA AIDIL FITRI TAHUN 2021M/1442H KEPADA ANGGITA PASUKAN KESELAMATAN DAN PETUGAS KESIHATAN, PADA 29 APRIL 2021 (KHAMIS), PUKUL 2.30 PETANG, DEWAN BANKUASI TINGKAT 26, BLOK A, PUSAT PENTADBIRAN NEGERI SABAH.**

1. Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpahan rahmatNya, dapatlah kita hadir pada majlis Penyerahan Kuih-Muih Hari Raya Aidil Fitri kepada anggota pasukan keselamatan dan petugas kesihatan di negeri ini.
2. Setinggi penghargaan dan tahniah kepada pengerusi jawatankuasa penganjur iaitu Yang Berbahagia Datuk Hajah Masnah Matsalleh, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) dan ahli jawatankuasa yang telah berjaya menganjurkan majlis kali ini. Tidak dilupakan juga seluruh anggota pasukan keselamatan dan petugas kesihatan yang turut hadir pada hari ini.
3. Setiap tahun kerajaan mengadakan majlis seperti ini sebagai mengenang jasa bakti dan menzahirkan penghargaan kepada semua anggota keselamatan sama ada yang bertugas di sempadan, darat, laut dan udara. Tidak dilupakan juga pasukan keselamatan yang menjada keselamatan di jalan raya, harta benda awam dan sebagainya.
4. Buat julung kalinya pada tahun ini, tiga (3) tambahan pasukan keselamatan dan petugas kesihatan kita raikan bersama iaitu Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Sabah dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sabah yang menjadi barisan hadapan membantu dalam usaha memerangi penularan pandemik COVID-19 di Sabah.
5. Kerajaan dan rakyat negeri Sabah amat menghargai pengorbanan setiap anggota keselamatan yang sanggup bergadai nyawa demi mempertahankan kedaulatan negeri di bawah bayu yang tercinta ini. Saya bagi pihak kerajaan negeri Sabah mengucapkan jutaan terima kasih di atas jasa bakti dan pengorbanan anggota pasukan keselamatan.
6. Tidak dilupakan petugas kesihatan, doktor, jururawat dan pasukan paramedik yang tidak pernah mengeluh tanpa mengira erti lelah dan masa. Sudah pasti ramai yang akan bertugas pada 1 Syawal ini dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19. Apatah lagi Fasa Kedua Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, kini sudah bermula sehingga Ogos ini, yang menyasarkan seramai 268,000 penerima di negeri ini.
7. Kerajaan sedar bahawa pasukan keselamatan pada hari ini berdepan cabaran yang lebih kompleks dan rumit berbanding ancaman jenayah tradisional pada waktu dahulu. Isu keselamatan sempadan dirumitkan bukan sahaja oleh penglibatan manusia sebagai pelaku, malah turut membabitkan pelbagai bentuk benda atau barangan seperti dadah dan senjata. Ini termasuklah aktiviti atau isu yang berkaitan migrasi tanpa izin, pemerdagangan manusia, provokasi terancang, dan elemen keganasan.

8. Justeru, kerajaan komited memastikan kebajikan, kesejahteraan serta pengorbanan pasukan keselamatan terpelihara ketika umat islam dan masyarakat lainnya menyambut Aidilfitri. Tugas mengawal keamanan dan keselamatan negara ketika musim perayaan ini, termasuk terpaksa berpisah dengan keluarga dan anak-anak.
9. Begitu juga dengan pengorbanan petugas kesihatan melawan pandemik COVID-19 sememangnya tidak boleh diperkecilkan. Petugas kesihatan dan perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah khususnya memikul tugas dan tanggungjawab yang berat dan sukar.
10. Justeru, penyerahan bungkusan kuih raya kepada anggota keselamatan dan pasukan kesihatan ini adalah tanda penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang bertugas pada musim perayaan demi menjaga keselamatan negeri dan kesihatan rakyat. Saya berharap sumbangan ini akan menjadi dorongan dan semangat kepada barisan hadapan menjalankan tugas pada musim perayaan ini.
11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pembungkusan dan penyerahan kuih raya ini, yang mana melibatkan penyertaan pelbagai agensi negeri dan Persekutuan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan bukan kerajaan (NGO).
12. Akhir kata, saya, isteri dan keluarga juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berpuasa dan selamat hari raya Aidilfitri, maaf zahir batin kepada semua barisan hadapan dan rakyat negeri ini.

Sekian, terima kasih